

02 OGOS 2021 (ISNIN)

Guru terima APC secara pandu lalu

Melibatkan seramai 209 guru di 62 sekolah dalam daerah Pekan

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seramai 209 guru melibatkan 62 buah sekolah dalam daerah Pekan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 yang diserahkan secara pandu lalu.

Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pekan, Mohd Razali Mustafar berkata, penyerahan itu dilakukan bagi menghargai mereka yang memberi khidmat cemerlang

dalam perkhidmatan.

Menurutnya, walaupun acara terbabit tidak semeriah dulu, namun sekurang-kurangnya ia tetap memberi kenangan manis buat penerima.

"Kita amat menghargai kecemerlangan mereka (guru) yang sentiasa komited dengan tugas mendidik dan memastikan kecemerlangan para pelajar.

"Kita memang merancang mengadakan majlis APC secara fizikal, namun selepas dua kali tertangguh, saya terpaksa mengambil keputusan mengadakannya secara pandu lalu," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Pada Sabtu, seramai 209 guru dalam daerah Pekan telah menerima APC 2020 dan majlis dijalankan secara pandu lalu di pekarangan Pejabat PPD Pekan



Mohd Razali (kiri) menyampaikan APC 2020 kepada salah seorang guru cemerlang secara pandu lalu di pekarangan pejabat PPD Pekan.

bermula jam 8.30 pagi sehingga jam 1.30 tengah hari.

Majlis itu disampaikan Mohd Razali diikuti Timbalan Perancangan, Zaifol Bahrizan

Mohammad Zan, Timbalan Pembelajaran, Ahmad Salleh Mohamed dan Timbalan Sektor Pengurusan Sekolah, Kamarul Zaman Mohd Ali.

Mohd Razali berkata, program yang diadakan secara pandu lalu itu menjadi kenangan manis buat semua guru terlibat.

"Saya hanya tunggu guru datang dengan kenderaan kemudian saya sampaikan sijil APC, cepat serta ringkas tetapi begitu bermakna buat 209 penerima," katanya.

Sementara itu, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pekan, Zahamana Zainuddin, 55, berkata, beliau gembira apabila terpilih menerima APC 2020.

Jelasnya, anugerah itu akan menambahkan lagi semangatnya untuk terus mencurahkan ilmu kepada anak bangsa.

"Dalam keadaan sekarang saya faham penyampaian sijil APC dilakukan dengan cara pandu lalu," katanya.